

10/10/1998

Media asing dituntut perbetul laporan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pergerakan Pemuda Umno hari ini menuntut media asing menyiarkan penjelasan Malaysia mengenai isu semasa dan mahu penjelasan itu disiarkan sepenuhnya.

Pemangku Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata langkah itu penting bagi mengelak kekeliruan antarabangsa mengenai Malaysia dan untuk membuktikan media asing benar-benar berpegang kepada profesionalisme dan standard yang tinggi.

Beliau yang menulis kepada Cable News Network (CNN) berkata, laporan mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang disiarkan agensi media itu pada Isnin lalu adalah tidak tepat dan perlu diperbetulkan.

"Dalam laporan itu, Dr Mahathir dikatakan mendakwa kecederaan Datuk Seri Anwar Ibrahim disebabkan perbuatannya sendiri dan berikutan desakan global, Perdana Menteri mengarahkan siasatan bebas dilakukan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Hishammuddin berkata, sebenarnya Perdana Menteri mengarahkan satu pasukan khas yang bebas untuk menyiasat dakwaan Anwar, malah memberi jaminan pihak terbabit akan didakwa.

Menurutnya, Dr Mahathir menjelaskan kepada media tempatan bahawa kerajaan tidak akan menerima sebarang tindakan polis yang tidak dibenarkan mengikut undang-undang.

Anwar ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 29 September lalu mendakwa dia ditumbuk dan ditampar oleh polis sehingga mata kirinya cedera, hidungnya berdarah dan bibirnya pecah.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, Pengerusi Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Michel Camdessus, perlu melawat Malaysia untuk melihat sendiri kesan dasar badan berkenaan di rantau ini.

Menurutnya, dalam tempoh 15 bulan Anwar menjadi Menteri Kewangan, ringgit jatuh 40 peratus, manakala indeks komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) merudum lebih 72 peratus.

Malah, katanya, langkah Anwar memotong perbelanjaan kerajaan dan meningkatkan kadar faedah menyebabkan pertumbuhan ekonomi untuk suku kedua tahun ini negatif, iaitu yang pertama dalam tempoh 13 tahun.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Hal Ehwal Antarabangsa Pemuda Umno, Abdul Azim Mohd Zabidi, berkata Pemuda akan menghantar wakil, termasuk Exco untuk memberi penerangan mengenai isu semasa kepada rakan sejawatan di Indonesia, Singapura dan Filipina.

Beliau berkata, penerangan itu dapat mengelak kekeliruan di kalangan negara jiran, berikutan beberapa pemimpin Pemuda yang dipecat daripada parti memburukkan pemimpin di luar negara.

Abdul Azim berkata, sebagai negara berjiran adalah penting menggunakan saluran sedia ada untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum membuat sebarang kenyataan.

"Kenyataan Presiden Filipina mengenai hubungan baik dengan Anwar tidak membolehkan beliau mengetepikan persefahaman sedia ada. Kepentingan negara adalah mengatasi kepentingan individu," katanya.

Menurutnya, kedaulatan proses undang-undang dan hak asasi manusia akan sentiasa dipatuhi dan apa juga tuduhan mengenai pelanggaran akan disiasat secara teliti dan dikenakan tindakan.

(END)